

**NO. SOALAN: 473**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH ZURAI DA BINTI KAMARUDDIN  
[ AMPANG ]**

**RUJUKAN : 8076**

**SOALAN:**

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [ Ampang ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan apakah kapasiti penjara yang sedia ada kini  
boleh menampung jumlah banduan yang dimasukkan dibawah kesalahan  
jenayah.**

**JAWAPAN:**

**Berdasarkan statistik Jabatan Penjara Malaysia pada 30 April 2015, terdapat seramai 52,023 penghuni sedang ditahan atau menjalani hukuman di seluruh institusi penjara yang mempunyai kapasiti muatan seramai 51,350 penghuni. Langkah-langkah berterusan diambil bagi mengurangkan kesan dari lebihan muatan yang berlaku di beberapa buah penjara antaranya pemindahan banduan, pengubahsuaian dan penambahan bangunan, pelaksanaan Sistem Parol dan Perintah Kehadiran Wajib.**